

Formula kemenangan BN

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

Populariti calon MCA, Datuk Seri Dr Wee Jock Seng dan keampuhan jentera Barisan Nasional (BN) yang dibantu Pas melalui kerjasama Muafakat Nasional dianggap faktor utama memberi kemenangan besar BN pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai semalam.

Penganalisis politik daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian berkata, keputusan BN memilih Jock Seng adalah satu keputusan tepat memandangkan bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai itu dilihat lebih berpengalaman, berwibawa dan mesra berbanding calon Pakatan Harapan (PH), Karmaine Sardini.

Menurutnya, kekuatan Jock Seng juga ditunjangi oleh keampuhan jentera BN dan Pas yang berjaya disatukan menerusi Muafakat Nasional.

"Faktor itu amat signifikan kerana jentera UMNO dan Pas dilihat berusaha keras memastikan setiap pengundi putih dibawa keluar mengundi, walaupun kerusi Parlimen Tanjung Piai ditandingi calon dari MCA.

"Selain itu, isu-isu kemarahan dan kekecewaan rakyat terutama masyarakat Cina terhadap kegagalan kerajaan menangani peningkatan kos sara hidup, janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang tidak dipecahkan dan kegagalan PH menangani isu-isu sensasi dimainkan BN juga menyumbang kepada faktor kekalahan PH pada kali ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Dr Sivamurugan berkata, analisis ringkas dibuat berdasarkan pemerhatiannya



JECK SENG

setelah beberapa kali turun ke lapangan di Parlimen Tanjung Piai untuk membuat kajian PRK.

Menurutnya, calon PH juga dilihat terperangkap dengan isu yang tercetus akibat kesilapan mereka sendiri di samping kebijaksanaan jentera BN memainkan isu-isu negatif melibatkan kerajaan PH yang akhirnya mempengaruhi keputusan pengundi.

"Saya ambil contoh kenyataan Karmaine mengundang kemarahan golongan pekebun kecil apabila meminta mereka bersyukur meskipun harga komoditi kelapa sawit masih rendah.

"Di samping itu, kekalahan kali ini juga dilihat lebih kepada faktor undi protes

pengundi Cina yang menggunakan kesempatan ini untuk meluahkan kekecewaan mereka terhadap prestasi kerajaan PH," katanya.

Sementara itu, pemerhatian *Sinar Harian* mendapati kekalahan Karmaine di tangan Jock Seng lebih terarah kepada faktor kemarahan rakyat terhadap kerajaan PH yang dianggap masih gagal menunaikan pelbagai janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Selain itu, majoriti pengundi Cina dilihat kecewa dengan kegagalan kerajaan PH memulihkan ekonomi negara, terutama kejatuhan harga komoditi kelapa sawit di samping keadaan ekonomi yang semakin tidak menentu.

Sementara itu, Penganalisis Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Syed Alsagoff berkata, PRK Tanjung Piai menjadi ujian penentu kepada penilaian prestasi kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk penggal ini.

Menurutnya, keputusan yang diperoleh melalui PRK tersebut merupakan petanda bahawa rakyat pada hari ini semakin matang dalam menilai prestasi kerajaan.

"Bukan bermaksud mereka tidak menyokong kerajaan tetapi mereka mahukan sesuatu yang mereka nak capai seperti apa yang dijanjikan kerajaan.

"Ujian penentu adakah prestasi kerajaan sekarang ini harus dipertingkatkan atau kerajaan sekarang benar-benar mendengar keluhan dan rintihan rakyat.

"Pengundi sekarang bijaksana dan kebanyakan pengundi di Tanjung Piai adalah mereka yang bekerja di luar Johor. Mereka balik untuk mengundi dan mereka mengatakan bahawa mereka harus melakukan reformasi supaya kerajaan mengotakan janji manifesto," katanya di sini semalam.



**Analisis
BERITA**